

13 JAN 1998

DIALOG PASIFIK MASUK HARI AKHIR

KUALA LUMPUR, 13 Jan (Bernama) -- Dialog Pasifik Keempat di sini masuk hari akhir hari ini dengan menumpukan perbincangan kepada langkah-langkah praktikal dan bermakna dalam kerjasama ekonomi dan kewangan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, selaku Pengerusi dialog itu, dijadual mengadakan persidangan berita lewat hari ini selepas penutupan dialog selama dua hari itu.

Dialog itu dianjurkan oleh Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) Malaysia, Institut Kajian Dasar (IKD) dan Pusat Dasar Asia Pasifik yang berpusat di Washington.

Dialog Pasifik merupakan perhimpunan tahunan tokoh-tokoh ekonomi dan keselamatan serantau.

Ia dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam.

-- BERNAMA

APG NMO